

**MARANG** - Harga ikan kembung didapati mulai stabil berbanding semasa Ramadan dan awal Syaawal lalu berikutan lambakan bekalan ikan di pasar utama di bandar Marang di sini, disebabkan cuaca baik.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati ikan kembung dijual pada harga serendah RM14 hingga RM16 sekilogram (kg) mengikut saiz, jenis dan tahap kesegaran.

Pada Ramadan lepas, harga ikan kembung direkodkan mencecah sehingga RM20 per kg apabila hasil tangkapan ikan dikatakan berkurangan hingga menimbulkan kebimbangan pelanggan.

Seorang peniaga, Mahkatar Kasim, 62, berkata, ikan kembung kini dijual pada harga lebih rendah sekitar RM16 sekilogram mengikut saiz dan jenis disebabkan ikan agak banyak sejak beberapa hari lepas.

"Harga ikan tak menentu, adakala turun adakala naik disebabkan faktor cuaca. Bagaimanapun, harga ikan kembali stabil sejak beberapa hari lepas kerana hasil tangkapan meningkat.

"Jadi kami boleh jual ikan



**MAHKATAR**

pada harga rendah sedikit sebab bekalan ada. Malah, harga ikan boleh turun lagi sekiranya peniaga ingin memastikan ia habis dijual," katanya.

Rakannya, Zulkifli Mohd, 38, berkata, bekalan ikan seperti aya, selayang bersaiz kecil dan besar serta sotong juga banyak, namun harga tidak tetap dan bergantung kepada bekalan yang diperolehi daripada nelayan.

"Sotong ketika ini dijual RM25 hingga RM26 sekilogram, aya RM12 dan selayang RM8 hingga RM10 sekilogram. Walaupun harga tidak tetap tetapi ia lebih rendah berbanding Ramadan lalu," katanya.



**Zulkifli menjual kembung pada harga RM14 sekilogram dan mengakui harga ikan segar itu ditawarkan kini lebih rendah.**